



**NADMA MALAYSIA**  
**GARIS PANDUAN**  
**PROSES KEMASUKAN DAN KUARANTIN**  
**PERSON UNDER SURVEILLANCE (PUS)**  
**YANG TIBA DARI LUAR NEGARA**  
**BERMULA 1 JUN 2020**

## **1. LATAR BELAKANG**

Dalam usaha mengekang penularan wabak Covid-19, bermula 3 April 2020 Kerajaan telah memutuskan bahawa semua individu yang memasuki Malaysia dari luar negara akan dikenakan perintah kuarantin wajib di Stesen Kuarantin yang telah ditetapkan oleh Kerajaan, berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].

Mulai 1 Jun 2020, Kerajaan melalui satu ketetapan dasar baru mewajibkan semua individu yang memasuki Malaysia melalui semua Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) perlu menanggung kos kuarantin dengan **50 peratus** daripada kos kuarantin ditanggung oleh Kerajaan bagi warganegara manakala **bayaran penuh** akan dikenakan kepada individu bukan warganegara.

Individu yang dikenakan perintah kuarantin akan dirujuk sebagai *Person Under Surveillance* (PUS).

## **2. STESEN KUARANTIN**

Stesen Kuarantin merupakan tempat pengasingan dan pemerhatian kesihatan yang telah diwartakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), termasuk hotel-hotel atau mana-mana premis lain yang ditentukan oleh Kerajaan.

## **3. TEMPOH KUARANTIN**

Tempoh Kuarantin adalah 14 hari atau mana-mana tempoh yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia berdasarkan satu kes ke satu kes berlainan.

## **4. KADAR KOS KUARANTIN**

Kadar kos kuarantin adalah seperti berikut;

- a. **Warganegara:** 50 peratus daripada kadar maksimum hotel RM150 sehari seorang, bagi tempoh yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- b. **Warganegara yang memilih untuk membayar sendiri (*self-paying*):** kadar penuh yang dipersetujui antara pihak Kerajaan dan Hotel Sama-Sama, KLIA (atau mana-mana hotel yang ditetapkan oleh Kerajaan).
- c. **Bukan Warganegara (Tanggungannya):** Kadar maksimum RM150 sehari seorang, bagi tempoh yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- d. **Bukan Warganegara (Ekspatriat, Pemegang skim MM2H, pemegang status *Permanent Resident* (PR) atau mana-mana bukan warganegara yang diberikan kelulusan oleh Ketua Pengarah Imigresen untuk memasuki Malaysia :** pada kadar penuh yang dipersetujui antara pihak Kerajaan dan Hotel Sama-Sama, KLIA (atau mana-mana hotel yang ditetapkan oleh Kerajaan).
- e. **Pemegang kad Orang Kelainan Upaya (OKU) Jabatan Kebajikan Masyarakat:** Kos Kurantin akan ditanggung oleh Kerajaan.

## 5. KAEDAH BAYARAN

- i. PUS perlu membayar sejumlah deposit / pembayaran penuh kepada pihak pengurusan hotel sewaktu proses daftar masuk. Penggunaan kad kredit adalah digalakkan.
- ii. Pembayaran penuh sebenar atau pemulangan baki akan dibuat sewaktu daftar keluar

## 6. PROSES KUARANTIN

### a. Sebelum Ketibaan

---

Semua individu yang akan memasuki Malaysia bermula 1 Jun 2020 perlu;-

- i. **Menandatangani Surat Aku Janji dan Indemniti / *Letter of Undertaking and Indemnity* (LoU)**

Semua individu yang akan ke Malaysia perlu memuat turun dan melengkapkan Surat Aku Janji dan Indemniti (LoU) seperti di **Appendix 1-4** melalui pautan seperti berikut:

- Kementerian Luar Negeri : [www.kln.gov.my](http://www.kln.gov.my)
- Agensi Pengurusan Bencana Negara : [www.nadma.gov.my](http://www.nadma.gov.my)

- Jabatan Imigresen Malaysia : [www.imi.gov.my](http://www.imi.gov.my)
- Kementerian Kesihatan Malaysia : [www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my)
- Kementerian Pengangkutan Malaysia : [www.mot.gov.my](http://www.mot.gov.my)
- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya : [www.motac.gov.my](http://www.motac.gov.my)

ii. **Mendapatkan Surat Kelulusan daripada Perwakilan Malaysia yang ditauliahkan**

Pematuhan terhadap syarat-syarat kemasukan yang ditetapkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia atau Agensi-Agensi Kerajaan adalah terpakai. Setiap pemohon perlu menghantar dokumen berkaitan bersama-sama LoU lengkap (seperti senarai semak di Annex 5) ke e-mel Perwakilan Malaysia yang ditauliahkan **selewat-lewatnya tiga hari sebelum tarikh berlepas**. Alamat e-mel Perwakilan Malaysia di luar negara boleh didapati di <https://www.kln.gov.my/web/guest/malaysian-mission>.

Tertakluk kepada kelulusan, Perwakilan Malaysia akan mengeluarkan Surat Kebenaran Masuk ke Malaysia (serahan melalui e-mel).

iii. **Mempamerkan Surat Kelulusan daripada Perwakilan Malaysia kepada Syarikat Penerbangan, Syarikat Pengangkutan Awam lain dan Jabatan Imigresen Malaysia**

Surat kelulusan daripada Perwakilan Malaysia perlu dikemukakan semasa proses pendaftaran masuk penerbangan/ pengangkutan awam yang lain. Kegagalan untuk mengemukakan surat ini boleh menyebabkan individu tersebut tidak diberi kebenaran untuk menaiki pesawat, atau pengangkutan awam yang lain. Bagi kemasukan melalui jalan darat pula, kegagalan untuk mengemukakan dokumen tersebut akan menyukarkan proses kemasukan individu tersebut ke Malaysia.

**b. Ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa**

---

PUS akan menjalani proses ketibaan seperti berikut:-

i. **Pemeriksaan dan Tapisan Kesihatan di Pintu Masuk Antarabangsa Negara oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**

- Saringan kesihatan akan dijalankan dan mana-mana PUS yang menunjukkan simptom COVID-19 akan dirujuk ke hospital bagi rawatan lanjut.
- Proses pengambilan sampel untuk ujian COVID-19 akan dijalankan di balai ketibaan, atau di Stesen Kuarantin.
- *Health Assessment Tool* (HAT) akan dibekalkan untuk tujuan

pemantauan sendiri PUS sepanjang tempoh kuarantin.

- ii. **Kaunter Pendaftaran – Jawatankuasa Pengurusan di Pintu Masuk**
  - Jawatankuasa Pengurusan di Pintu Masuk yang diselaras oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) akan menyelaraskan penerimaan PUS dan pengurusan logistik di KLIA1, KLIA2 atau pintu-pintu masuk udara, laut dan darat di seluruh Malaysia.
  - PUS perlu mempamerkan LoU kepada petugas
  - Jawatankuasa Pengurusan di Pintu Masuk akan menguruskan logistik PUS ke Stesen Kuarantin yang ditetapkan.
  - PUS **tidak dibenarkan** untuk memilih Stesen Kuarantin.
  
- iii. **Penerimaan Imigresen, Kastam dan urusan logistik ke Hotel**
  - PUS akan menjalani proses ketibaan masuk seperti biasa melalui Pegawai Imigresen dan Kastam.
  - Seterusnya, Kerajaan akan menguruskan pengangkutan ke Stesen Kuarantin yang telah ditetapkan.
  - Bagi PUS bukan warganegara yang gagal mengemukakan LoU sewaktu ketibaan, pihak Imigresen berhak untuk mengenakan perintah *Not-To-Land* (NTL) kepada PUS tersebut

### **c. Pengurusan PUS di Stesen Kuarantin**

---

PUS akan menjalani proses seperti berikut:-

- i. **Pendaftaran Masuk**
  - Pendaftaran masuk PUS di Stesen Kuarantin akan melalui proses pendaftaran biasa yang diamalkan oleh pihak pengurusan Hotel dengan seliaan petugas Stesen Kuarantin.
  - PUS perlu menyerahkan Salinan asal LoU kepada petugas Stesen Kuarantin.
  - Deposit atau/ dan pembayaran penuh akan diambil oleh pihak pengurusan hotel sebelum PUS dibenarkan untuk mendaftar masuk ke bilik hotel.
  - PUS yang gagal mematuhi mana-mana arahan di perenggan 6 (a), (b) dan (c) akan dikenakan tindakan perundangan di bawah Akta 342 dan/ atau mana-mana akta lain dengan tindakan oleh **Polis DiRaja Malaysia (PDRM)**.
  
- ii. **Semasa Kuarantin**
  - PUS akan menjalani tempoh kuarantin sepanjang 14 hari (atau mana-mana tempoh yang telah ditetapkan oleh Kementerian

Kesihatan Malaysia).

- Petugas daripada agensi-agensi Kerajaan ditempatkan di semua Stesen Kuarantin bagi membantu pengurusan pengoperasian stesen kuarantin, kebajikan, keselamatan dan pemeriksaan kesihatan sepanjang tempoh Kuarantin.
- **Satu (1) bilik akan menempatkan seorang (1) PUS** sahaja
- Permohonan untuk menempatkan lebih daripada seorang PUS dalam satu bilik hendaklah dirujuk kepada Pegawai Kesihatan KKM.
- Penyediaan makan minum akan disediakan oleh pihak Stesen Kuarantin dengan kekerapan tiga kali sehari.
- Pencucian pakaian peribadi hendaklah dilakukan sendiri oleh PUS.
- PUS bertanggungjawab ke atas bagasi dan semua barangan peribadi sendiri.
- PUS hendaklah melakukan penilaian kesihatan sendiri pada setiap hari di bilik masing-masing, dan melaporkan kepada Petugas Stesen Kuarantin sekiranya mula mengalami gejala COVID-19 dengan mekanisme yang telah ditetapkan oleh KKM.
- PUS akan dimaklumkan kaedah perhubungan dengan Petugas Kerajaan dan pekerja Stesen Kuarantin menerusi telefon/ sms/ whatsapp/ telegram.
- PUS juga perlu mematuhi segala SOP dan nasihat daripada Petugas Stesen Kuarantin. Antara larangan di kuarantin adalah seperti berikut:
  - Tidak dibenarkan keluar dari bilik penginapan.
  - Tidak dibenarkan merokok.
  - Tidak dibenarkan berkumpul
  - Khidmat penghantaran makanan dari luar seperti Grabfood, Food Panda dan lain-lain adalah tidak dibenarkan.
  - Penerimaan pelawat.
- Bagi PUS yang didapati positif melalui keputusan ujian COVID-19, individu tersebut (digelar sebagai *Patient Under Investigation* -PUI) akan dipindahkan ke hospital berdekatan untuk menjalani rawatan COVID-19. Semua barangan milik PUI di hotel perlu dibawa bersama-sama ke hospital dan kos kuarantin adalah sehingga tarikh discaj dari hotel. Pemulangan deposit akan dibuat oleh pihak pengurusan hotel.

iii. **Proses Daftar Keluar**

- Proses daftar keluar PUS daripada Stesen Kuarantin adalah mengikut peraturan penjagaan kesihatan dan langkah-langkah keselamatan yang diarahkan oleh KKM dari masa ke masa.
- PUS akan diberikan *release order* (Annex 17) setelah tamat tempoh kuarantin oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- PUS hendaklah menjelaskan bayaran tertunggak. Kegagalan PUS untuk membuat pembayaran boleh menyebabkan tindakan undang-undang diambil ke atas PUS tersebut oleh pihak Stesen Kuarantin.
- Kebenaran Pergerakan akan dikeluarkan oleh petugas stesen kuarantin bagi tujuan pergerakan pulang rentas negeri.
- Pergerakan PUS meninggalkan hotel untuk pulang ke rumah:
  - Waris/ wakil dibenarkan untuk mengambil PUS di Stesen Kuarantin; atau
  - PUS dibenarkan mengatur pengangkutan awam sendiri (taksi, *e-hailing*) untuk pulang ke rumah.

## **7. PEMAKAIAN**

Pemakaian tatacara ini berkuatkuasa daripada 1 Jun 2020 sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan oleh Kerajaan.

**Contoh Surat Aku Janji dan Indemniti Orang Di Bawah Pengawasan (*Person Under Surveillance*) bagi Warganegara Malaysia (Bahasa Malaysia)**

**SURAT AKU JANJI DAN INDEMNITI  
ORANG DI BAWAH PENGAWASAN  
(PERSON UNDER SURVEILLANCE)  
(WARGANEGARA)**

Kepada:

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia  
(mewakili Kerajaan Malaysia)  
No. 2, Menara 1, Jalan P 5/6  
Presint 5,  
62200 Putrajaya.

**Saya,** .....

**[nama *Person Under Surveillance*]**

**\*No. Kad Pengenalan :** .....

**beralamat di :** .....

(kemudian daripada ini disebut sebagai "*Person Under Surveillance*") dengan ini sesungguhnya berjanji bahawa saya [termasuk \*\*anak / orang di bawah jagaan saya (seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran A**)] akan mematuhi Perintah Pemerhatian dan Pengawasan Bagi Kontak Jangkitan Penyakit Corona Virus 2019 (COVID-19) Di Bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] dan arahan lain yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa sepanjang tempoh saya menginap di Hotel yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi tempoh bermula pada ..... 2020 hingga .....2020 (kemudian daripada ini disebut sebagai "Tempoh Pemerhatian dan Pengawasan").

2. Dalam hal ini, saya mengambil maklum bahawa sepanjang Tempoh Pemerhatian dan Pengawasan, kadar maksima bagi caj penginapan yang dibayar kepada Hotel adalah sebanyak Ringgit Malaysia Seratus Lima Puluh (RM150.00) sahaja setiap hari termasuk makan dan minum sebanyak tiga (3) kali yang mana:

- (a) saya bertanggungjawab untuk membayar Pengusaha / Pemilik / Pihak Hotel kadar maksima Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Lima (RM75.00) sahaja (termasuk caj perkhidmatan Premis Hotel sebanyak 10%) setiap hari, iaitu bersamaan dengan lima puluh peratus (50%) daripada caj penginapan; dan
- (b) Kerajaan akan membayar Pengusaha / Pemilik / Pihak Hotel kadar maksima Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Lima (RM75.00) sahaja (termasuk caj perkhidmatan Premis Hotel sebanyak 10%) setiap hari, iaitu baki lima puluh peratus (50%) daripada caj penginapan.

**Contoh Surat Aku Janji dan Indemniti Orang Di Bawah Pengawasan (*Person Under Surveillance*) bagi Warganegara Malaysia (Bahasa Inggeris)**

**LETTER OF UNDERTAKING AND INDEMNITY  
PERSON UNDER SURVEILLANCE  
(MALAYSIANS)**

To:

Ministry of Tourism, Arts and Culture  
(Representing the Government of Malaysia)  
No. 2, Menara 1, Jalan P 5/6  
Presint 5,  
62200 Putrajaya

I,.....

**[Name of Person Under Surveillance]**

**\*NRIC Number :** .....

**addressed at :** .....

(hereinafter referred to as "Person Under Surveillance") verily undertake that I [and \*\*my child / persons under my care (as stated in **ANNEXURE A**)] shall comply with the Observation and Surveillance of Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) Contacts Order made under Section 15(1) of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [*Act 342*] and other directives issued and enforced by the Government of Malaysia from time to time during my stay in the Hotel assigned by the Government for the period commencing from ..... 2020 to .....2020 (hereinafter referred to as the "Observation and Surveillance Period").

2. I acknowledge that throughout my stay during the Observation and Surveillance Period, the maximum rate for the accommodation charges payable to the Hotel shall be the sum of Ringgit Malaysia One Hundred and Fifty (RM150.00) only per day which shall include three (3) meals daily for which:

- (a) I shall be responsible to pay the Hotel Owner / Owner / Party the maximum rate of Ringgit Malaysia Seventy-Five (RM75.00) only (inclusive of 10% Hotel's service rate) per day, which is equivalent to fifty per cent (50%) of the accommodation charges; and
- (b) the Government will pay the Hotel Owner / Owner / Party the maximum rate of Ringgit Malaysia Seventy Five (RM75.00) only (inclusive of 10% Hotel's service rate) per day, which is equivalent to remaining fifty percent (50%) of the accommodation charges.

3. I solemnly pledge and undertake that I shall to make full payment of the expenses regarding—



**Contoh Surat Aku Janji dan Indemniti Orang Di Bawah Pengawasan (*Person Under Surveillance*) bagi Bukan Warganegara / Pemaustatin Tetap / Warganegara Yang Menanggung Sendiri (Bahasa Malaysia)**

**SURAT AKU JANJI DAN INDEMNITI  
ORANG DI BAWAH PENGAWASAN  
(PERSON UNDER SURVEILLANCE)  
(BUKAN WARGANEGARA / PEMAUSTATIN TETAP / WARGANEGARA YANG MENANGGUNG  
SENDIRI)**

Kepada:

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia  
(mewakili Kerajaan Malaysia)  
No. 2, Menara 1, Jalan P 5/6  
Presint 5,  
62200 Putrajaya.

**Saya,** .....  
[nama *Person Under Surveillance*]

\*No. Kad Pengenalan:.....

\*No. Passport:.....

beralamat di:.....

(kemudian daripada ini disebut sebagai "Person Under Surveillance") dengan ini sesungguhnya berjanji bahawa saya [termasuk \*\*anak / orang di bawah jagaan saya (seperti yang dinyatakan dalam **Lampiran A**) ] akan mematuhi Perintah Pemerhatian dan Pengawasan Bagi Kontak Jangkitan Penyakit Corona Virus 2019 (COVID-19) Di Bawah Seksyen 15(1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] dan arahan lain yang dikeluarkan dan dikuatkuasakan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa sepanjang tempoh saya menginap di Hotel yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi tempoh bermula pada ..... 2020 hingga .....2020 (kemudian daripada ini disebut sebagai "Tempoh Pemerhatian dan Pengawasan").

2. Dalam hal ini, saya sesungguhnya beraku janji akan membayar:

- (a) caj penginapan pada kadar yang ditetapkan oleh Pengusaha / Pemilik / Pihak Hotel bagi *Person Under Surveillance* yang mana termasuk makan dan minum sebanyak tiga (3) kali sehari;
- (b) apa-apa perbelanjaan lain yang ditanggung oleh saya [termasuk \*\*anak / orang di bawah jagaan saya] bagi menggunakan perkhidmatan pihak Hotel seperti tempahan makanan tambahan, perkhidmatan dobi, dan lain-lain perkhidmatan yang diberi oleh pihak Hotel atau pihak ketiga; dan
- (c) apa-apa kerosakan kepada bilik penginapan atau harta-harta Hotel yang telah digunapakai atau disebabkan oleh saya [\*\*termasuk anak dan orang di bawah jagaan saya].

**Contoh Surat Aku Janji dan Indemniti Orang Di Bawah Pengawasan (*Person Under Surveillance*) bagi Bukan Warganegara / Pemaustatin Tetap / Warganegara Yang Menanggung Sendiri (Bahasa Inggeris)**

**LETTER OF UNDERTAKING AND INDEMNITY  
PERSON UNDER SURVEILLANCE**

**(NON-MALAYSIAN CITIZEN / PERMANENT RESIDENT / SELF-PAYING MALAYSIAN CITIZEN)**

To:

Ministry of Tourism, Arts and Culture  
(Representing the Government of Malaysia)  
No. 2, Menara 1, Jalan P 5/6  
Presint 5,  
62200 Putrajaya

I,.....  
**[Name of Person Under Surveillance]**

**\*NRIC Number :**.....

**\*Passport Number :**.....

**addressed at** .....

(hereinafter referred to as "Person Under Surveillance") verily undertake that I [and \*\*my child / person under my care (as stated in **Annexure A**)] shall comply with the Observation and Surveillance of Coronavirus Disease 2019 (COVID-19) Contacts Order made under Section 15(1) of the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 [*Act 342*] and other directives issued and enforced by the Government of Malaysia from time to time during my stay in the Hotel assigned by the Government for the period commencing from ..... 2020 to .....2020 (hereinafter referred to as the "Observation and Surveillance Period").

2. In this regard, I solemnly pledge and undertake that I shall pay:

- (a) the accommodation charges at the rate as specified by the Operator / Owner / Hotel for Person Under Surveillance which shall include three (3) meals daily;
- (b) any other expenses incurred by myself [and \*\*my child / person under my care]for the use of the Hotel's services such as additional meal ordered, laundry services, and other services provided by the Hotel or any third party; and
- (c) any damage to the Hotel's accommodation or Hotel's property which has been used or caused by me [and \*\*my child / person under my care].

3. I undertake to make full payment of the expenses regarding—

**Senarai Semak Bagi Mendapatkan Surat Kelulusan  
daripada Pejabat Perwakilan**

**Warganegara**

- 
- Surat Aku Janji dan Indemniti (LoU)
  - Dokumen Perjalanan (tiket dan sebagainya)
  - Dokumen Pengenalan yang sah (Passport atau MyKad)
- 

**Bukan Warganegara (Tanggungan, Ekspatriat, Pemegang skim MM2H, pemegang status *Permanent Resident* (PR) atau mana-mana bukan warganegara yang diberikan kelulusan oleh Ketua Pengarah Imigresen untuk memasuki Malaysia**

- 
- Surat Aku Janji dan Indemniti (LoU)
  - Dokumen Perjalanan (tiket dan sebagainya)
  - Dokumen Pengenalan yang sah (Passport atau MyKad)
  - Kelulusan daripada Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia
- 


*\* semua Bukan Warganegara perlu mendapatkan kelulusan daripada Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia sebelum memasuki Malaysia. Permohonan boleh dibuat melalui alamat e-mel [pbh@imi.gov.my](mailto:pbh@imi.gov.my)*

---



AGENCI PENGURUSAN BENCANA NEGARA

**Prosedur Kuarantin Bermula 01 Jun 2020  
Kepada Warganegara**




\* Sekiranya disahkan negatif, PUS yang perlu dikuarantin semula di QS perlu melalui proses ketibaan seperti biasa  
 \*\* Pihak PRDM menguatkuasakan pematuhan menggunakan Peraturan 14- Arahan Ketua Pengarah / Akta 342 Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit  
 \*\*\* Sekiranya PUS didapati positif/ bergejala, semua barangan perlu dibawa ke hospital bersama-sama dan kos kuarantin adalah setakat tarikh ke hospital sahaja



AGENCI PENGURUSAN BENCANA NEGARA

**Prosedur Kuarantin Bermula 01 Jun 2020  
Kepada Bukan Warganegara**



\* NTL (Not to Land): kepada PUS yang tidak bersetuju untuk dikuarantin dengan caj. Bagi Bukan Warganegara, senarai NTL ini akan diserahkan kepada Pejabat Kedutaan  
 \*\* Sekiranya disahkan negatif, PUS yang perlu dikuarantin semula di QS perlu melalui proses ketibaan seperti biasa  
 \*\*\* Pihak PRDM menguatkuasakan pematuan menggunakan Peraturan 14- Arahkan Ketua Pengarah / Akta 342 Pencegahan dan Kawalan Penyakit Berjangkit  
 \*\*\*\* Sekiranya PUS didapati positif/ bergejala, semua barangan perlu dibawa ke hospital bersama-sama dan kos kuarantin adalah setakat tarikh ke hospital sahaja



# Guidelines

**3 times**

Packed food are provided in front of the room

**\*14 days**

Quarantine period

**24 hours**

Surveillance and support are readily available

## THE DOs AND DONT'S

- Quarantine Station is a non-smoking area
- Do not leave the hotel room. Non-compliance of the quarantine guidelines will be charged under the violation of Section 18 Prevention and Control Infectious Disease (Act 342)
- Please keep clean
- No visitation allowed
- Any medical related issues and complaints, kindly contact the front desk
- Practise good personal hygiene and wash your hands frequently
- Food delivery from outside is not allowed.

**Know the symptoms**

**FLU  
&  
COUGHING**

**HIGH  
FEVER**

**TROUBLE  
BREATHING**

**If you contracted any symptoms, please seek immediate medical support**



**NADMA  
MALAYSIA**